

HARI : JUMAAT
TARIKH : 12/6/2020
M/SURAT : 3



HARI : JUMAAT
TARIKH : 12/6/2020
M/SURAT : 20

12 peniaga durian dikompaun tipu alat timbang

IPOH - Seramai 12 peniaga durian di negeri ini dikompaun RM100 setiap seorang kerana menipu dengan menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak sah.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, semua peniaga itu dikesan melakukan kesalahan semasa pemeriksaan khas terhadap peniaga-peniaga gerai durian di sekitar Perak pada hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) kelmarin.

Katanya, tindakan kompaun dikeluarkan mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 kerana menggunakan atau memiliki alat timbang sukat yang tidak ditentusahkan, ditandakan dengan cap, diperakui atau disahkan.

"Pihak kementerian tidak mengawal harga bagi komoditi durian namun peniaga wajib mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan dari segi penandaan harga.

"Selain itu, peniaga juga wajib memastikan penggunaan alat timbang dan sukat yang telah ditentusahkan dan masih dalam tempoh sah," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

- Bernama